

# Tutup masjid, rumah ibadat jika langgar SOP

Amaran dikeluarkan selepas kerajaan negeri terima aduan abai peraturan

Oleh SARINAH MAT KASIM

## SEREMBAN

**M**enteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun mengingatkan jawatankuasa masjid dan rumah ibadat supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) berkaitan Covid-19.

Beliau berkata, sekiranya gagal, tindakan penutupan selama tujuh hari akan dikenakan kepada masjid dan rumah ibadat terlibat.

Aminuddin berkata, ia susulan

aduan terdapat masjid di sekitar Seremban yang tidak mematuhi SOP.

“Misalnya jemaah tak bawa sejadah boleh masuk ke masjid, memasak dan lain-lain. Itu semua melanggar SOP.

“Kita tidak mahu disebabkan hanya seorang yang langgar SOP, seluruh masjid kena tutup.

“Pihak berkuasa telah memberi amaran dan memanggil pengurusan masjid mengingatkan agar tidak mengulangi kesalahan sama atau berdepan tindakan tutup selama tujuh hari berkuat kuasa serta-merta,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat exco di Wisma Negeri



AMINUDDIN

di sini pada Rabu.

Tambahnya, hampir 400 masjid dan lebih 800 surau di negeri ini diingatkan supaya terus kekal mematuhi SOP yang ditetapkan tanpa gagal, bagi memastikan tiada sebarang jangkitan berlaku dalam masjid.

Sementara itu, Aminuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Sikamat memberitahu, kerajaan negeri masih lagi di peringkat perbincangan mengenai SOP Aidilfitri.

Katanya, keputusan muktamad belum diputuskan lagi bagi membolehkan pihak berkuasa dan pihak berkaitan membincangkan dengan lebih teliti sebelum sebarang keputusan diambil.